




KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
(OACP)

APAD 2023-2026



DITERBITKAN OLEH:

**UNIT INTEGRITI
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

Aras G, M, 19 dan 20 Menara Tun Ismail Mohamed Ali, No. 25
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

Tel: +603 – 2603 6700


HAK CIPTA TERPELIHARA

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksplotasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) adalah tidak dibenarkan sama sekali.

PENAFIAN

Pelan Antirasuah ini adalah khusus untuk kegunaan APAD dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. APAD tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung dalam pelan ini.



**" WAHAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN
JANGANLAH KAMU MENGKHIANATI AMANAH
ALLAH DAN RASULNYA DAN JANGANLAH KAMU
MENGKHIANATI AMANAH-AMANAH KAMU
SEDANG KAMI MENGETAHUI SALAHNYA "**

(SURAH AL ANFAL: 27)

INTEGRITI DALAM PEKERJAAN MENURUT ISLAM:

"BERTANGGUNGJAWAB"

Sesuatu yang menuntut pekerja supaya sentiasa berwaspada ke atas apa yang dilakukan atau dibelanjakan kerana mereka akan disoal dan diperiksa bukan sekadar di dunia malahan di hari pembalasan.

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2023-2026

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)



Pelan Antirasuah Organisasi / *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) merupakan sebuah dokumen dasar antirasuah di peringkat Jabatan yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Pembangunan OACP adalah selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dirangka oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 oleh Perdana Menteri Malaysia dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah. Di bawah inisiatif 2.1.5, NACP mewajibkan sektor awam untuk membangunkan OACP yang meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani.

Pelan OACP APAD dibangunkan atas komitmen APAD dalam memerangi rasuah bagi memastikan warga APAD berintegriti tinggi dan bebas rasuah. Pelan OACP dirangka seiring dengan bidang tugas, keperluan dan kehendak semasa bersesuaian dengan kemajuan teknologi, dasar dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Dalam menjayakan usaha pencegahan rasuah di APAD, penambahbaikan dan kajian semula akan dilaksanakan secara berterusan mengikut keperluan dan arus perubahan negara.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi OACP APAD 2023-2026 ini telah dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Objektif utama OACP APAD 2023-2026 adalah:


- Menggariskan kerangka dan hala tuju tindakan pencegahan bagi menangani isu dan permasalahan rasuah khususnya di dalam Agensi dengan lebih jelas dan berkesan.
- Membudayakan amalan kerja yang berteraskan kecemerlangan melalui sistem pentadbiran APAD yang cekap, berintegriti, bermoral, beretika serta mempunyai minda kelas pertama.
- Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga APAD membanteras rasuah.
- Meningkatkan imej APAD dan kepercayaan pemegang taruh serta masyarakat ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh APAD.

Misi utama OACP APAD 2023-2026 adalah meningkatkan kecekapan, ketelusan, keberkesanan dan akauntabiliti melalui penyampaian perkhidmatan pengangkutan awam darat yang bebas rasuah melalui tiga matlamat yang telah ditetapkan iaitu:

- Memperkuuh kecekapan penyampaian perkhidmatan pelesenan yang cekap, responsif, berintegriti dan berkredibiliti selaras dengan kehendak pemegang taruh dan pelesen.
- Penambahbaikan berterusan khidmat pengurusan organisasi dan pelestarian budaya kerja yang profesional, telus dan berintegriti.
- Meminimumkan salah laku yang melibatkan integriti dan rasuah di kalangan warga APAD.

Dokumen ini menggariskan empat (4) bidang keutamaan yang memayungi 6 objektif strategik dan 47 inisiatif secara keseluruhan. Setiap inisiatif yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemerksaan pencegahan rasuah. Untuk mencapai kejayaan pelaksanaannya maka aspek-aspek seperti pengukuhan struktur organisasi, penambahbaikan dalam aspek peningkatan sistem teknologi, perubahan dasar, pemantauan dan pemantapan modal insan perlu diberi perhatian serius.

Aspek pemantauan dan penilaian akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP APAD bagi memantau prestasi pelaksanaannya sehingga 2026. OACP ini akan menjadi panduan terbaik untuk meningkatkan imej APAD sebagai sebuah Agensi yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah.



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

DATUK AZLAN SHAH AL BAKRI

KETUA PENGARAH

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,


Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah berjaya disiapkan dengan jayanya.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) APAD 2023-2026 ini telah dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Pemantapan Governans, Integriti dan Anti Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia supaya tadbir urus APAD sentiasa telus dan berintegriti.

Melalui pembangunan Pelan OACP ini, Saya berharap pelan ini akan menjadi rujukan dan panduan dalam menangani permasalahan integriti, tadbir urus dan rasuah di APAD. Semoga dengan wujudnya pelan ini akan mempermudahkan pencapaian visi dan misi serta mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di APAD.

Saya juga berharap semua pegawai dan kakitangan dalam organisasi ini akan memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) APAD 2023-2026 ini akan tercapai. Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini.





“ APAD akan sentiasa memastikan agenda pengukuhan integriti sebagai fokus utama Agensi bagi mewujudkan ketelusan kualiti penyampaian yang bebas daripada pengaruh rasuah agar APAD lebih dikenali dengan prinsip dan nilai etikanya.”

**YBHG. DATUK AZLAN SHAH AL BAKRI
Ketua Pengarah APAD**

PRAKATA PENGERUSI JAWATANKUASA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI APAD (JPAO)

NOR HASLYNDA WAN RAHIM

TIMB. KETUA PENGARAH (OPERASI)
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya juga, Pelan Antirasuah Organisasi Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2023 – 2026 dapat disempurnakan.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan dokumen Antirasuah utama yang memaparkan kesungguhan dan komitmen bagi seluruh warga APAD untuk menghapuskan amalan rasuah dan salah laku integriti dalam organisasi. Pelan yang dibangunkan ini merupakan satu pelan yang strategik dan menyeluruh yang mana ianya telah mengambil kira risiko-risiko kelemahan dan ketirisan dalam aspek governans, integriti dan rasuah di APAD.

Pelan ini boleh juga dianggap sebagai bukti komitmen seluruh warga APAD dalam menangani salah laku dalam organisasi yang boleh mencalarkan maruah APAD dan seterusnya merosakkan kepercayaan orang ramai terhadap organisasi ini.

Ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga APAD yang terlibat dalam pembangunan dan penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi APAD 2023–2026 ini.

PERNYATAAN KOMITMEN

AZRUL NAHAR BIN ZAILAH @ LAZIM

PENG. BHG. KHIDMAT PENGURUSAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
– KETUA AHLI OACP APAD (JPAO)



Pelan Antirasuah Organisasi / *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* APAD 2023-2026 adalah komitmen dan iltizam Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memerangi rasuah dan salah laku integriti demi kesejahteraan organisasi.

Selaras dengan kehendak kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP), Pelan OACP APAD 2023-2026 ini telah dibangunkan berdasarkan inisiatif mandatori di bawah Strategi 2: Memperkuatkannya Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan dalam sektor awam.

Setiap pelan tindakan dan inisiatif yang dibangunkan dalam Pelan OACP APAD ini terhasil daripada perbincangan dan sesi brainstorming semasa Bengkel Pembangunan dan Pemurnian Kerangka OACP.

Pelan ini diyakini dapat menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga APAD.

Kami warga APAD beriltizam serta komited bagi memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti.


**" PENGUATKUASAAN DAN UNDANG-UNDANG,
PERATURAN DAN AMALAN BERKAITAN AKAN
DIPERKEMASKAN AGAR INTEGRITI DAN TADBIR
URUS KERAJAAN YANG BAIK DAPAT
DIPERTINGKATKAN. "**

**YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
PERDANA MENTERI KE 8**

PENYERAHAN SIJIL LANTIKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA OACP APAD OLEH YBHG. DATUK AZLAN SHAH AL BAKRI



**PENYERAHAN SIJIL
LANTIKAN SEBAGAI
PENGERUSI
JAWATANKUASA OACP
(JPAO) APAD KEPADA
YBRS. PUAN NOR
HASLYNDA WAN RAHIM
OLEH YBHG. DATUK
AZLAN SHAH AL BAKRI**



**PENYERAHAN SIJIL
LANTIKAN SEBAGAI KETUA
AHLI JAWATANKUASA
OACP (JPAO) APAD
KEPADÄ ENCIK AZRUL
NAHAR ZAILAH @ LAZIM
OLEH YBHG. DATUK AZLAN
SHAH AL BAKRI**



KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN

1

- Carta Organisasi
- Latar Belakang
- Fungsi Dan Peranan APAD
- Visi dan Misi APAD
- Dasar Integriti & Tadbir Urus Nasional
- Keperluan Pembangunan OACP
- Isu dan Cabaran
- Analisis Persekuturan Dan Penilaian Risiko
- Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko
- Huraian Data

BAB 2 : PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

16

- Kerangka Utama OACP APAD
- Bidang-Bidang Keutamaan Risiko
- Ringkasan Kerangka OACP APAD
- Strategi, Objektif Strategik dan Pelan Tindakan/Inisiatif

BAB 3 : MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH APAD

32

- Mekanisme Pelaksanaan
- Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP
- Struktur Tadbir Urus OACP
- Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian
- Semakan dan Pembaharuan OACP

BAB 4 : KESIMPULAN DAN APRESIASI

40

- Kesimpulan
- Ahli Jawatankuasa Pelan Antirasuah Organisasi APAD
- Apresiasi
- Akronim

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL
ANTI-CORRUPTION
PLAN (OACP)

APAD 2023-2026


BAB 1:

PENGENALAN

- CARTA ORGANISASI
- LATAR BELAKANG
- FUNGSI DAN PERANAN APAD
- VISI DAN MISI APAD
- DASAR INTEGRITI & TADBIR URUS NASIONAL
- KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP
- ISU DAN CABARAN
- ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO
- BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO
- HURAIAN DATA

**DALAM HR TIRMIZI: ADALAH RASULULLAH SAW
DALAM KEBANYAKAN DOA BAGINDA ADALAH:
“WAHAI ZAT YANG MEMBOLAK-BALIKAN HATI,
TETAPKANLAH HATIKU DI ATAS AGAMU-MU”**

CARTA ORGANISASI APAD



LATAR BELAKANG ORGANISASI

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). APAD ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 2019 bagi mengantikan dan mengambil alih sebahagian fungsi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang telah dibubarkan pada 31 Disember 2018.



FUNGSI DAN PERANAN APAD



APAD bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau aspek pelesenan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan, kenderaan barang dan sistem kereta api di Semenanjung Malaysia. Dua fungsi utama APAD adalah seperti berikut:

PENGAWAL SELIAAN



Memantau dan mengawal selia piawaian prestasi pengendali melalui pelesenan dan sesi libat urus.

PEMANTAUAN



Memantau tahap perkhidmatan untuk memastikan pengguna mendapat perkhidmatan yang selamat, efisien serta boleh diharap.

VISI

“

**PENERAJU PENGAWALSELIAAN
PENGANGKUTAN AWAM DARAT
YANG KONDUSIF DAN DINAMIK**

”

MISI

“

Mempertingkatkan pengawalseliaan pengangkutan awam darat yang bersepadu, selamat dan efisien melalui pengukuhan pelesenan serta pemerkasaan perancangan dan pemantauan operasi berteraskan tadbir urus yang mapan

”

NILAI NILAI BERSAMA JABATAN



A

AMANAH

Mendukung kepercayaan dan kejujuran sebagai elemen utama dalam menjalankan tanggungjawab dalam perkhidmatan



P

PROGRESIF

Menggalakkan persekitaran budaya kerja yang terbuka dan positif untuk penambahbaikan perkhidmatan yang berterusan

AKAUNTABILITI

Sedia bertanggungjawab terhadap setiap keputusan dan tindakan yang telah dicapai bersama



A

DEDIKASI

Sentiasa bersemangat dan komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti




D



ISU DAN CABARAN

A. INDEKS PERSEPSI RASUAH [CORRUPTION PERCEPTIONS INDEX (CPI)]

Indeks Persepsi Rasuah atau lebih dikenali dengan *Corruption Perception Index* (CPI) singkatannya iaitu merupakan laporan kajian yang dilaksanakan oleh *Transparency International* iaitu sebuah badan bukan kerajaan bertaraf antarabangsa. Indeks ini tertumpu kepada persepsi responden berdasarkan pengalaman mereka dalam berurusan dengan sektor awam sesebuah negara. Dalam tempoh 2019 hingga 2022, kedudukan dan skor CPI Malaysia berbanding 180 buah negara menunjukkan trend menurun seperti gambar rajah berikut:



Sumber: *Transparency International Malaysia*

Kemerosotan kedudukan dan skor CPI Malaysia menunjukkan penurunan persepsi pemegang taruh terhadap kebolehan negara untuk membanteras amalan rasuah, mendukung hak asasi manusia dan memperkasa integriti negara.


B. PENARAFAN SEMULA RISIKO AGENSI TAHUN 2020

- Penarafan risiko organisasi ke atas agensi awam telah dilaksanakan julung kali pada tahun 2013 melalui peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (PP Bil. 6 Tahun 2013).
- Pelaksanaan penarafan risiko ini adalah usaha sama antara Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- BPIA telah melaksanakan Penarafan Semula Risiko Rasuah bagi tahun 2020 dan APAD telah dikategorikan dalam **risiko sederhana**.




ANALISIS PERSEKITARAN & PENILAIAN RISIKO

STATISTIK ADUAN MELIBATKAN APAD BAGI TAHUN 2019-2021




SEMAKAN DATA-DATA DALAMAN

Berdasarkan data yang diperoleh dari Unit Integriti (UI) APAD, terdapat 13 kes disiplin yang melibatkan pegawai APAD bagi tahun 2019 hingga tahun 2022. Majoriti kes disiplin melibatkan kesalahan tatakelakuan seperti tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah dan ingkar perintah.



Sumber: Unit Integriti, APAD

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM) AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD) 2023-2026



Pelan Pengurusan Rasuah/*Corruption Risk Management* Agensi Pengangkutan Awam Darat (CRM APAD) merupakan satu usaha dalam memantapkan pembudayaan integriti warga APAD selaras dengan Dasar Transformasi Negara dalam mendepani transformasi perkhidmatan awam yang turut membawa bersama-sama peningkatan ekspektasi pelanggan kepada penyampaian perkhidmatan kerajaan.

APAD perlu sentiasa bergerak dan mengambil langkah-langkah Pencegahan seperti elemen “*prevention is better than cure*” iaitu dengan menutup elemen-elemen yang memberi ruang dan peluang untuk salah laku integriti, rasuah, penyelewengan, dan penyalahgunaan kuasa dengan matlamat “*closing the loop*” dilihat mampu memacu penambahbaikan rangka kerja sistem penyampaian APAD yang berkualiti dan berintegriti tinggi.



BENGKEL PENGURUSAN RISIKO
RASUAH (CRM) APAD

Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia Melaka
pada 14 hingga 16 Mac 2022

KUPASAN HURAIAN DATA CRM

NO.	BAHAGIAN/UNIT	JUMLAH RISIKO	TAHAP RISIKO			
			TINGGI (High)	SIGNIFIKAN (significant)	SEDERHANA (Moderate)	RENDAH (Low)
1.	Bhg. Perancangan Rel (REL)	4	-	4	-	-
2.	Bhg. Penguatkuasaan Rel (RED)	2	-	2	-	-
3.	Bhg. Perancangan Polisi Mod Jalan (BPPMJ)	4	-	3	-	1
4.	Bhg. Aplikasi Teknologi (BAT)	4	-	3	-	1
5.	Bhg. Pelesenan Komersil (BLK)	5	3	2	-	-
6.	Bhg. Pengangkutan Awam & Perdagangan (BPAD) dan Bas Ekspres & Terminal (BBET)	6	4	1	-	1
7.	Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM)	3	2	1	-	-
8.	Unit Kewangan Hasil & Perolehan (UKHP)	6	1	5	-	-
9.	Unit Pentadbiran (UT)	5	1	3	1	-
10.	Unit Komunikasi Korporat (UKK)	1	1	-	-	-
11.	Unit Undang-Undang (UU)	2	-	-	-	2
12.	Unit Integriti (UI)	1	-	1	-	-

Sumber: *Corruption Risk Management (CRM) APAD 2023-2026*

Berdasarkan analisa CRM, telah dikenalpasti tahap-tahap risiko yang dibahagikan kepada (4) tahap, iaitu tinggi sebanyak 12 risiko, signifikan sebanyak 25 risiko, sederhana sebanyak 1 risiko dan rendah sebanyak 5 risiko.

Bidang keutamaan yang berisiko tinggi antaranya melibatkan Bahagian di bidang pelesenan, pemantauan operasi, pengurusan & pentadbiran yang mencatatkan risiko tertinggi di dalam Pelan Pengurusan Risiko Rasuah APAD.

Bagi bidang pelesenan, antara potensi risiko yang tinggi iaitu membocorkan maklumat keputusan permohonan pelesenan sebelum keputusan rasmi dikeluarkan adalah berpunca daripada pegawai yang kurang berintegriti, tekanan daripada pihak berkepentingan, kelemahan undang-undang sedia ada dan sebagainya.

Bagi bidang pemantauan operasi, antara risiko yang tinggi adalah pakatan, pengubahsuaian dan pemalsuan dalam proses penilaian tuntutan-tuntutan bayaran dana inisiatif kerajaan. Hal ini berpunca daripada penyediaan perkhidmatan yang tidak berintegriti, terdapat kepentingan "conflict of interest", pegawai tidak berintegriti, kurang penyeliaan "hot staff", "hot spot" dan "hot job" dan sebagainya.

Bagi bidang pengurusan & pentadbiran, antara risiko yang tinggi adalah penyalahgunaan kuasa melibatkan pertimbangan dan budi bicara pegawai aduan dalam pengurusan aduan bagi tujuan kepentingan peribadi. Hal ini berpunca daripada kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam/agensi, pegawai kurang berintegriti, tidak mematuhi peraturan/SOP yang telah ditetapkan, sistem penyampaian maklumat/arahan dalaman tidak berkesan dan sebagainya.



PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023



Pelan Antirasuah Nasional (NACP) telah dibangunkan selaras dengan Perkara 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (*United Nations Convention against Corruption - UNCAC*) dan Pernyataan Kuala Lumpur mengenai Strategi Antirasuah pada tahun 2013. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah membangunkan pelan ini bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan anti rasuah secara menyeluruh yang bertindak sebagai suatu kerangka bagi transformasi ke arah negara bersih dan dihormati.

NACP telah mengenal pasti bidang-bidang berisiko yang utama iaitu Tadbir Urus Politik; Pentadbiran Sektor Awam; Perolehan Awam; Perundangan dan Kehakiman; Penguatkuasaan Undang-Undang dan Tadbir Urus Korporat. Visi NACP adalah untuk mewujudkan negara bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu kebertanggungjawaban dan kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif; dan Integriti dalam Perniagaan.

Pelan ini turut mengambil kira perubahan semasa dan impak kepada masa hadapan daripada segi pelbagai konteks termasuk trend Revolusi Perindustrian Ke- 4 (IR4.0) yang menekankan pengaplikasian pendigitalan secara meluas, proses pengautomasian dalam usaha untuk menjimatkan kos, sekaligus mengurangkan perbelanjaan awam seterusnya meraih kebolehpercayaan awam.

PELAN STRATEGIK ORGANISASI APAD 2022-2026

Pelan Strategik Organisasi Agensi Pengangkutan Awam Darat 2022-2026 (PSO APAD 2022-2026) ini julung kalinya dirangka dan digubal bagi menjelaskan halatuju strategik APAD bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Dalam merangka pelan strategik ini, APAD telah meniliti dan mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi oleh APAD secara dalaman dan luaran. Hasilnya, PSO APAD 2022-2026 telah dimuktamadkan dengan 4 teras strategik yang tertumpu kepada Perkhidmatan Pelesenan, Perancangan Operasi, Pemantauan Operasi serta Pengurusan dan Tadbir Urus; di mana 9 strategi dan 33 pelan tindakan telah dikenalpasti secara keseluruhannya.

Bagi mencapai visi APAD sebagai Peneraju Pengawalseliaan Pengangkutan Awam Darat Yang Kondusif dan Dinamik, dokumen PSO APAD 2022-2026 yang telah menggariskan pelan-pelan tindakan akan menjadi rujukan utama warga APAD dalam mengawal selia, merancang dan memantau industri pengangkutan awam darat.

Secara tuntasnya, fokus utama PSO APAD 2022-2026 ini lebih tertumpu kepada pemerksaan penyampaian APAD melalui pengukuhan tadbir urus dan pengoperasian APAD lebih cekap, efisien dan mapan.



al Plan


BAB 2: PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

- KERANGKA UTAMA OACP APAD
- BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO
- RINGKASAN KERANGKA OACP APAD
- STRATEGI, OBJEKTIF STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN/INISIATIF

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Kamu sekalian adalah pemimpin dan kamu juga akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Ketua atau imam adalah pemimpin dan ia akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin. Suami adalah pemimpin dalam keluarganya dan dia akan bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin. Isteri juga pemimpin dalam mengendalikan rumah tangga suaminya dan dia juga akan ditanya tentang apa yang dipimpinnya, dan pembantu rumah tangga juga pemimpin dalam mengawasi harta benda majikannya dan dia juga akan ditanya tentang apa yang dipertanggung jawabkan kepadanya.”

(HR Bukhari)



BENGKEL PEMBANGUNAN OACP APAD

Dewan Memorial Tun Hussein Onn pada 15 hingga 17 Ogos 2022

BENGKEL REDAKSI & PEMURNIAN OACP APAD

Pacific Regency Beach Resort pada 9 hingga 11 Februari 2023



KERANGKA UTAMA OACP APAD




VISI




MISI



MATLAMAT



**BIDANG
KEUTAMAAN**



STRATEGI

KE ARAH PEMBANGUNAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT TANPA RASUAH

MENINGKATKAN KECEKAPAN, KETELUSAN,
KEBERKESANAN DAN AKAUNTABILITI MELALUI
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
AWAM DARAT YANG BEBAS RASUAH

MEMPERKUKUH KECEKAPAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
PELESENAN YANG CEKAP, RESPONSIF,
BERINTEGRITI DAN BERKREDIBILITI
SELARAS DENGAN KEHENDAK
PEMEGANG TARUH

PENAMBAHBAIKAN
BERTERUSAN KHIDMAT
PENGURUSAN ORGANISASI DAN
PELESTARIAN BUDAYA KERJA YANG
PROFESIONAL, TELUS DAN
BERINTEGRITI

MEMINIMUMKAN SALAH LAKU
YANG MELIBATKAN INTEGRITI
DAN RASUAH DI KALANGAN
WARGA APAD

PELESENAN

PEMANTAUAN
OPERASI

PERANCANGAN
OPERASI

PENGURUSAN &
PENTADBIRAN

MEMANTAPKAN
PERKHIDMATAN
PELESENAN APAD KE
ARAH
KECEMERLANGAN
ORGANISASI

MEMPERKASAKAN
INTEGRITI DAN
KEBERKESANAN
PENGUATKUASAAN

MEMANTAPKAN &
MEMPERKUKUHKAN
PERANCANGAN
OPERASI BAGI
MENJAMIN
PENGANGKUTAN
AWAM DARAT YANG
SELAMAT DAN
KONDUSIF

MENINGKATKAN
KOMPETENSI
PEGAWAI DAN
KETELUSAN
PENTADBIRAN

BIDANG - BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, Empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di APAD telah dikenal pasti iaitu:

PELESENAN

Merujuk kepada tanggungjawab pihak pengurusan sama ada pada peringkat atasan mahupun peringkat penyeliaan dalam memastikan aktiviti pelesenan kenderaan dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard, peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Ketidakpatuhan akibat kegagalan pengurusan, kesilapan manusia, kelemahan atau gangguan dari pihak luar boleh mendorong berlakunya jenayah rasuah, pecah amanah dan mencemarkan imej Agensi.

PEMANTAUAN OPERASI

Pemantauan Operasi merujuk kepada tanggungjawab pihak pengurusan sama ada pada peringkat atasan mahupun peringkat penyeliaan. Prinsip dan perancangan operasi perlu dibuat dengan memastikan tahap siaga fasiliti pengangkutan awam dan kecekapan perkhidmatan dengan menyediakan butiran tertentu bagi mencapai perancangan strategik organisasi yang ditetapkan. Kelemahan operasi akibat kegagalan pengurusan, kesilapan manusia, kelemahan produk atau gangguan dari kejadian luaran yang mengakibatkan kemerosotan atau kegagalan dalam perkhidmatan yang disediakan oleh pengendali.

PERANCANGAN OPERASI

Perancangan operasi merupakan tanggungjawab pihak pengurusan sama ada pada peringkat atasan mahupun peringkat penyeliaan. Prinsip dan perancangan operasi perlu dibuat dengan menyediakan butiran tertentu bagi mencapai perancangan strategik organisasi yang ditetapkan. Kelemahan operasi akibat kegagalan pengurusan, kesilapan manusia, kelemahan produk atau gangguan dari kejadian luaran yang mengakibatkan kemerosotan atau kegagalan dalam perkhidmatan yang disediakan oleh APAD.

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengurusan dan pentadbiran merupakan proses serta aktiviti yang berterusan untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Perubahan organisasi yang efektif tidak akan berlaku sekiranya pengurusan dan pentadbiran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya mewujudkan masalah penyampaian perkhidmatan dan masalah tatakelakuan kakitangan.

RINGKASAN KERANGKA OACP APAD 2023-2026



STRATEGI DAN OBJEKTIF STRATEGIK

STRATEGI 1:

Memantapkan Perkhidmatan Pelesenan APAD Ke Arah Kecemerlangan Organisasi

OBJEKTIF STRATEGIK:

Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan profesionalisme dalam tadbir urus pelesenan

STRATEGI 2:

Memperkasakan Integriti dan Keberkesanan Penguatkuasaan

OBJEKTIF STRATEGIK:

Meningkatkan profesionalisme dan integriti pegawai dalam penguatkuasaan undang-undang

STRATEGI 3:

Memantapkan & Memperkuuhkan Perancangan Operasi Bagi Menjamin Pengangkutan Awam Darat Yang Selamat dan Kondusif

OBJEKTIF STRATEGIK:

Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan

STRATEGI 4:

Meningkatkan Kompetensi Pegawai dan Ketelusan Pentadbiran

OBJEKTIF STRATEGIK:

Meningkatkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti melalui pembangunan modal insan yang kompeten dan berkredibiliti tinggi

Meningkatkan keberkesanan pengurusan aset

Memantapkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan kewangan dan perolehan

PELAN TINDAKAN OACP APAD

BIDANG KEUTAMAAN	PELESENAN
STRATEGI	MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN PELESENAN APAD KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

OBJEKTIF STRATEGI: MENINGKATKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN PROFESIONALISME DALAM TADBIR URUS PELESENAN

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.	Membangunkan Sistem Pelesenan secara <i>online</i> (iSPKP).	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Aplikasi Teknologi (BAT) ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK) 	Suku kedua tahun 2023
2.	Menambahbaik arahan dalaman untuk mewujudkan Tatacara Semakan Dokumen Serahan (SDS) dengan penyediaan Laporan Harian.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK) 	Suku kedua tahun 2023
3.	Menambahbaik SOP selaras dengan pembangunan sistem baharu iSPKP melibatkan keseluruhan proses pelesenan.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Perancangan Polisi Mod Jalan (BPPMJ) ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK) 	Suku ketiga tahun 2023
4.	Mengehadkan akses kepada bilik serahan di pejabat-pejabat wilayah.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK) 	Suku pertama tahun 2023
5.	Mewujudkan Arahan Pentadbiran kepada ahli mesyuarat tentang tatacara mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan (JKP) dan Mesyuarat Pelesenan Peringkat Operasi (MPPO) (pihak yang bertanggungjawab dengan urusan keputusan akhir bagi hal ehwal pelesenan).	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK) 	Suku kedua tahun 2023
6.	Pemantauan secara berkala oleh unit Pematuhan Dalaman.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK) 	2023-2026 (4 kali setahun)

BIDANG KEUTAMAAN	PEMANTAUAN OPERASI		
STRATEGI	MEMPERKASAKAN PENGUATKUASAAN	INTEGRITI DAN	KEBERKESANAN

OBJEKTIF STRATEGI: MENINGKATKAN PROFESIONALISME DAN INTEGRITI PEGAWAI DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
7.	Memantapkan Tatacara (SOP) Penilaian Pematuhan dan Penyiasatan.	▪ Bhg. Penguatkuasaan Rel (RED)	Suku keempat tahun 2023
8.	Membangunkan Sistem Penguatkuasaan Kereta Api di dalam iSPKP yang merangkumi proses pengurusan Kes Insiden, Kemalangan dan Gangguan Perkhidmatan serta Permohonan di kawasan Zon Perlindungan Kereta Api dan Pemeriksaan Pematuhan Operasi Kereta Api.	▪ Bhg. Penguatkuasaan Rel (RED) ▪ Bhg. Aplikasi Teknologi (BAT)	Suku keempat tahun 2023
9.	Program Latihan Teknikal dan Keselamatan dengan Pihak Rapid Rail Sdn Bhd, KTMB dan NIOSH bagi memantapkan pengetahuan dan pengalaman teknikal.	▪ Bhg. Penguatkuasaan Rel (RED)	Suku keempat tahun 2024
10.	Menambah baik perjanjian bantuan atau program bagi perjanjian baharu untuk mengelakkan ketirisan subsidi Kerajaan.	▪ Bhg. Pengangkutan Awam & Perdagangan (BPAD) ▪ Bhg. Bas Ekspres & Terminal (BBET) ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK)	2023
11.	Mengaplikasikan Penggunaan Teknologi dan Peralatan seperti kamera, Pengukur Cahaya (Lux Meter) sebagai bahan bukti bagi melengkapkan kertas siasatan dan hasil penilaian pematuhan.	▪ Bhg. Penguatkuasaan Rel (RED)	Suku keempat tahun 2024

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
12.	Menyediakan bahan rujukan seperti kes terdahulu, SOP Operator Rel yang berkaitan dan lain-lain sebagai panduan penyelesaian kes.	▪ Bhg. Penguatkuasaan Rel (RED)	Suku keempat tahun 2026
13.	Pembangunan sistem pemantauan, pematuhan dan penguatkuasaan melalui sistem teknologi dan dashboard.	▪ Bhg. Pengangkutan Awam & Perdagangan (BPAD) ▪ Bhg. Bas Ekspres & Terminal (BBET) ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK) ▪ Bhg. Aplikasi Teknologi (BAT)	Disember 2024
14.	Pemeriksaan secara berpasukan dengan kehadiran pihak berkecuali.	▪ Bhg. Penguatkuasaan Rel (RED)	2023-2026 (1 kali setahun)
15.	Pemerkasaan Bahagian Penguatkuasaan Rel (RED) dan Bahagian Pengangkutan Awam & Perdagangan (BPAD).	▪ Bhg. Penguatkuasaan Rel (RED) ▪ Bhg. Pengangkutan Awam & Perdagangan (BPAD) ▪ Bhg. Khidmat Pengurusan (BKP)	Suku keempat tahun 2023
16.	Pengasingan tugas mengikut bidang fungsi melalui pembangunan SOP baharu.	▪ Bhg. Pengangkutan Awam & Perdagangan (BPAD) ▪ Bhg. Bas Ekspres & Terminal (BBET)	Disember 2023
17.	Penambahbaikan tatacara proses kerja melalui kemas kini polisi, garis panduan dan SOP Pemantauan dan Penilaian secara berkala atau tahunan.	▪ Bhg. Pengangkutan Awam & Perdagangan (BPAD) ▪ Bhg. Bas Ekspres & Terminal (BBET) ▪ Bhg. Perancangan Polisi Mod Jalan (BPPMJ)	Suku keempat tahun 2023

BIDANG KEUTAMAAN	PERANCANGAN OPERASI
STRATEGI	MEMANTAPKAN & MEMPERKUKUHKAN PERANCANGAN OPERASI BAGI MENJAMIN PENGANGKUTAN AWAM DARAT YANG SELAMAT DAN KONDUSIF

OBJEKTIF STRATEGI: MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
18.	Cadangan penambahbaikan polisi/SOP/pekeliling/kaedah-kaedah sediaada berkaitan pelesenan, operasi dan peruntukan undang-undang.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Perancangan Polisi Mod Jalan (BPPMJ) ▪ Bhg. Pengangkutan Awam & Perdagangan (BPAD) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Pelesenan Komersil (BLK) ▪ Unit Undang-Undang (UUU) 	2023-2026 (5 dokumen)
19.	Memperkuuhkan mekanisme pemantauan dan pemeriksaan secara konsisten/berkala di Bahagian Perancangan Rel (REL).	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Perancangan Rel (REL) 	2023-2026 (4 kali setahun)
20.	Menyediakan peruntukan bagi perolehan perkakasan pemeriksaan untuk melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Perancangan Rel (REL) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Unit Kewangan Hasil & Perolehan (UKHP) 	Suku ketiga tahun 2023

BIDANG KEUTAMAAN	PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN
STRATEGI	MENINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI DAN KETELUSAN PENTADBIRAN

OBJEKTIF STRATEGI: MENINGKATKAN INTEGRITI, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI MELALUI PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN DAN BERKREDIBILITI TINGGI

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
21.	Memperkuuhkan kompetensi, latihan dan kemahiran pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam operasi dan penguatkuasaan pengangkutan awam darat.	▪ Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM)	2023-2026 (1 kali setahun)
22.	Mewujudkan mekanisme pemantauan dan pemeriksaan secara berkala oleh Penyelia dan Ketua Jabatan di tempat-tempat berisiko.	▪ Unit Pentadbiran (UT) ▪ Bhg. Aplikasi Teknologi (BAT)	2023-2026 (3 kali setahun)
23.	Melaksanakan pemantauan mengenai tahap keberhutangan dalam kalangan warga APAD.	▪ Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM)	2023-2026 (1 kali setahun)
24.	Melaksanakan latihan untuk meningkatkan kompetensi pegawai mengenai tatacara pengurusan rekod.	▪ Unit Pentadbiran (UT)	2023-2026 (1 kali setahun)
25.	Menguruskan Sesi Semakan Buku Rekod Perkhidmatan kakitangan.	▪ Bhg. Khidmat Pengurusan (BKP)	2023-2026 (1 kali setahun)
26.	Menambahbaik terma rujukan/kriteria penilaian dan pemilihan calon Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia.	▪ Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM)	2023

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
27.	Mengadakan kursus bersiri bagi pegawai yang terlibat dalam pengendalian aduan bagi membekalkan kemahiran dalam tatacara pengendalian aduan.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Unit Komunikasi Korporat (UKK) ▪ Unit Integriti (UI) 	2023-2026 (1 kali setahun)
28.	Melaksanakan penambah baikan tadbir urus permohonan pertukaran melalui pertimbangan dan kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) 	Suku pertama tahun 2023
29.	Menyebarluas mesej kesedaran berkaitan Akta SPRM 2009 mengenai rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa serta pemalsuan dokumen melalui pelbagai saluran.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Unit Integriti (UI) 	2023-2026 (4 kali setahun)
30.	Menyebarluas mesej kesedaran dan khidmat kaunseling mengenai implikasi keberhutangan serius kepada warga APAD secara berterusan.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) 	2023-2026 (2 kali setahun)
31.	Pelaporan secara berkala kepada pihak MOT dan JPA status kekosongan bagi tujuan pengisian jawatan kosong.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Khidmat Pengurusan (BKP) 	2023-2026 (4 kali setiap tahun)
32.	Melaksanakan proses penstrukturkan organisasi bagi mengoptimumkan perjawatan dalam organisasi.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Khidmat Pengurusan (BKP) 	2023-2026 (1 kali setiap 5 tahun)
33.	Mengemukakan cadangan untuk: <ol style="list-style-type: none"> 1.Tukar taraf jawatan terbuka kepada (skim J) 2.Tukar lantik status kakitangan kontrak kepada tetap (skim J) 3.Menukar status kontrak pegawai Bahagian Perancangan Rel kepada tetap. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bhg. Perancangan Rel (REL) ▪ Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) 	Disember 2023

OBJEKTIF STRATEGI: MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN ASET

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
34.	Melaksanakan penyediaan Garis Panduan Keluar Masuk Pegawai/Pengunjung/Pelawat/Kontraktor ke Pejabat APAD.	▪ Unit Pentadbiran (UT)	2023-2024
35.	Mewujudkan taskforce untuk menyelesaikan isu lapuk/isu SPAD.	▪ Pengurusan	2023-2024
36.	Mewujudkan SOP Pengurusan Kenderaan berkaitan Pengurusan Kenderaan untuk kegunaan pegawai terlibat.	▪ Unit Pentadbiran (UT)	Suku pertama tahun 2023
37.	Menguatkuasakan Pekeliling Tatacara Pengurusan Stok Kerajaan (AM6.1) bagi memastikan kawalseliaan penggunaan stok dilaksanakan dengan tepat.	▪ Unit Pentadbiran (UT)	Suku pertama tahun 2024
38.	Menguatkuasakan pusingan kerja /job rotation selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2004 - Panduan Pertukaran Pegawai Awam berdasarkan keperluan perkhidmatan dan takrifan jawatan sensitif.	▪ Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM)	2023-2026 (3 - 5 tahun sekali)
39.	Merancang perpindahan pejabat ke premis baharu yang lebih bersesuaian, selamat, selesa dan kondusif.	▪ Unit Pentadbiran (UT)	2023-2026
40.	Mewujudkan Arahan Pentadbiran Dalaman untuk mempermudahkan tatacara penggunaan dan keselamatan aset jabatan.	▪ Unit Pentadbiran (UT)	Suku ketiga tahun 2023
41.	Mewujudkan sistem aduan kerosakan fasiliti secara atas talian.	▪ Unit Pentadbiran (UT) ▪ Bhg. Aplikasi Teknologi (BAT)	2023-2024

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
42.	Melaksanakan latihan kepada pegawai aset di semua Bahagian/Wilayah/Cawangan.	▪ Unit Pentadbiran (UT)	2023-2026 (1 kali setahun)
43.	Melaksanakan penggunaan inisiatif Sistem Pengurusan Rekod (SPR) secara digital.	▪ Unit Pentadbiran (UT) ▪ Bhg. Aplikasi Teknologi (BAT)	2024
44.	Mengemaskini daftar rekod kad akses dalam sistem <i>Entry Pass</i> secara berkala.	▪ Unit Pentadbiran (UT) ▪ Bhg. Aplikasi Teknologi (BAT)	2023-2024

OBJEKTIF STRATEGI: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

BIL	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
45.	Menambahbaik Arahan Pentadbiran Dalaman berkenaan Peraturan Perolehan, Pengurusan Belanjawan dan Tuntutan Bayaran.	▪ Unit Kewangan Hasil & Perolehan (UKHP)	2023
46.	Menyemak dan mengemaskini Penurunan Kuasa (AP11) dari semasa ke semasa untuk memastikan penurunan kuasa daripada Pegawai Pengawal kepada Jabatan/Agenzi adalah betul.	▪ Unit Kewangan Hasil & Perolehan (UKHP)	2023-2024
47.	Mewajibkan kursus pengurusan kewangan dan perolehan secara berterusan kepada pegawai yang bertanggungjawab.	▪ Unit Kewangan Hasil & Perolehan (UKHP)	2023-2026 (1 kali setahun)

BAB 3: MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH APAD

- MEKANISME PELAKSANAAN
- LAPORAN PENCAPAIAN PELAKSANAAN OACP
- STRUKTUR TADBIR URUS OACP
- MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN
- SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN OACP

MEKANISME PELAKSANAAN

Pelaksanaan OACP APAD hendaklah dilaksanakan secara holistik melibatkan kerjasama di antara pihak pengurusan tertinggi jabatan, warga kerja dan pemegang taruh untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara sistematis dan efektif. Jawatankuasa OACP APAD ditubuhkan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 iaitu – Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Struktur pentadbiran tersebut mengandungi dua (2) tahap:

- Kementerian
- Jabatan

Struktur pentadbiran mengikut tahap ini memberi tumpuan kepada tugas seperti; penilaian risiko rasuah, pengesahan dasar dan penyelesaian, pelaksanaan program dan aktiviti, pemantauan dan penilaian prestasi.

Pengurusan Tertinggi APAD hendaklah memastikan kebolehlaksanaan OACP APAD diperkuuhkan dengan tindakan berikut:

- Mengkoordinasi, memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP
- Memastikan pelaksanaan pelan tindakan mengikut tempoh sasaran ditetapkan
- Membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat jabatan

PENYEDIAAN LAPORAN PENCAPAIAN PELAKSANAAN OACP

Jawatankuasa OACP menyediakan laporan pencapaian pelaksanaan OACP kepada pengurusan sebanyak tiga (3) kali setahun dengan mengambil tindakan berikut:



STRUKTUR TADBIR URUS OACP

PELAPORAN PEMANTAUAN KEPADA URUS SETIA

**JAWATANKUASA PELAKSANAAN,
PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

UNIT INTEGRITI SEBAGAI URUS SETIA

Menilai Prestasi tahunan dan keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan melalui laporan pemantauan

JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR) APAD


Pengerusi :

- Ketua Pengarah APAD
- Ahli-ahli:
- Timb. Ketua Pengarah (Operasi)
- Timb. Ketua Pengarah (Pembangunan)
- Pengarah - pengarah Bahagian


- Menerima Laporan Pemantauan dan Penilaian OACP daripada Unit Integriti
- Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan
- Mengabsahkan dasar
- Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan Agensi
- Mengenal pasti penyelesaian terbaik
- Memperakukan isu dan laporan untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian jika diperlukan

**PELAPORAN DI ANGKAT KE JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



MEKANISME PENILAIAN



PENILAIAN

Penilaian prestasi bagi setiap inisiatif yang digariskan dalam OACP hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan peratusan pelaksanaannya mengikut perancangan dan tempoh masa yang ditetapkan dan bertujuan untuk:

- Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan setiap pelan tindakan.
- Menilai sama ada pelan tindakan menyokong ke arah objektif yang ingin dicapai.
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang.
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.

Penilaian keseluruhan pencapaian OACP boleh dinilai berdasarkan petunjuk-petunjuk berikut:

- Pengurangan statistik kes aduan tadbir urus dan integriti
- Pengurangan bilangan aduan awam yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam
- Pengaduan Awam yang diterima melalui Unit Komunikasi Korporat APAD
- Pengurangan statistik kes-kes tataterib
- Pengurangan statistik kes-kes yang dilapor, disiasat dan didakwa oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Pengurangan Teguran Audit

SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN OACP

Penilaian pelaksanaan bagi setiap inisiatif OACP akan dinilai setiap hujung tahun sekali. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada keupayaan pelaksanaan inisiatif tersebut di mana perkembangannya akan dilaporkan seperti yang telah diperjelaskan, pelaksana boleh mengutarakan sebarang permasalahan, kekangan mahupun penambahbaikan untuk diangkat bagi tujuan penilaian semula semasa pelaporan JAR APAD yang dijalankan setiap 3 kali setahun setelah ianya dipersetujui diperingkat Jawatankuasa OACP.

- Pelan tindakan yang dirangka hendaklah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh supaya berjaya menangani masalah rasuah. Impak pelaksanaan OACP dapat diukur dengan melakukan penilaian dan semakan semula terhadap inisiatif yang ditawarkan.
- Tindakan pembaharuan OACP perlu dilaksanakan pada akhir tahun ke-3 dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.
- Setiap visi dan misi OACP APAD perlu berkesinambungan pada tahun-tahun berikutnya.



BAB 4: KESIMPULAN & APRESIASI

- KESIMPULAN
- AHLI JAWATANKUASA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI APAD
- APRESIASI
- AKRONIM

Kesimpulan

Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2023-2026 telah dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali dengan integritinya, bukan kerana rasuahnya. OACP menjadi panduan untuk menangani masalah rasuah, salah laku, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam Jabatan.

Integriti merupakan elemen penting untuk kesejahteraan warga APAD. Pegawai dan kakitangan APAD yang berkualiti tinggi merupakan aset penting terhadap kejayaan organisasi dan negara. Sifat amanah, telus, bertanggungjawab dan berkhidmat untuk kepentingan awam merupakan intipati kepada istilah integriti dan etika. Hakisan nilai integriti dalam Jabatan akan mengakibatkan kepincangan pentadbiran dan salah laku dalam organisasi. Justeru, pengamalan dan pemahaman terhadap integriti dan etika amat perlu dilaksanakan.

Oleh itu, pembentukan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023-2026 di peringkat APAD merupakan usaha Agensi dalam membudayakan integriti seterusnya membanteras rasuah. OACP memberi tumpuan khusus kepada masalah rasuah yang berlaku dalam organisasi.

Secara keseluruhannya, OACP adalah merupakan dokumen dasar antirasuah yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia merupakan komitmen oleh APAD dalam memerangi rasuah. Diharapkan inisiatif-inisiatif yang digariskan dapat dilaksanakan dengan komited bagi mencapai visi ke arah organisasi cemerlang, bebas rasuah dan berintegriti.

AHLI JAWATANKUASA PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) APAD

Datuk Azlan Shah Al Bakri
Penaung



Encik Ahmad Radhi Maarof
Penasihat JPAO



Puan Nor Haslynda Wan Rahim
Pengerusi JPAO



Encik Azrul Nahar Zailah@Lazim
Ketua Ahli JPAO



Encik Mohd Yusree Rosli
Urusetia JPAO



Puan Nor Asmawati Besar
Urusetia JPAO



Encik Muhammad Asyraf
Razali
Urusetia JPAO



Encik Shahreel Riza bin Idris
Ahli JPAO



Encik Zakaria Md Tap
Ahli JPAO



Encik Zaid bin Sabit@Mubin
Ahli JPAO



Hj Anuar Abdullah
Ahli JPAO



Encik Mohd Ikmal Hisyam
Mohd Fuead
Ahli JPAO



Encik Mohammad Fakhri
Mansor
Ahli JPAO



Encik Adi Elmi Daman Huri
Ahli JPAO



Encik Mohd Tamizi Shafin
Ahli JPAO



Encik Shahrin Hamzah
Ahli JPAO



Puan Julie Samsudin
Ahli JPAO



Encik Muhamad Hamiza
Hamdan
Ahli JPAO



Puan Khairunnisa Zakaria
Ahli JPAO



Encik Mohd Lutfi Ahmad
Ahli JPAO



Puan Norrita Amran
Ahli JPAO



Tuan Syed Mohamad Azani
Syed Mohamad
Ahli JPAO



Puan Thurkahthevi A/P N.
Munasamy
Ahli JPAO



Puan Nur Atina Markiman
Ahli JPAO



Puan Hajar Naemah Sofif
Ahli JPAO



Encik Mohd Fadzly
Zamaludin
Ahli JPAO

APRESIASI

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada Pengurusan APAD dan semua pihak dan individu yang terlibat di dalam pembangunan PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) APAD 2023-2026:

1. Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
2. Puan Halimah Md Sharif, Pesara SPRM
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

PESERTA BENGKEL CRM & OACP APAD

- Encik Ahmad Radhi Maarof
- Puan Nor Haslynda Wan Rahim
- Encik Shahreel Riza Idris
- Puan Nor Izan Abd Karim
- Encik Mohd Faizul Abdul Rashid
- Encik Muhamad Hamiza Hamdan
- Puan Nor Afiza Abdul Aziz
- Cik Hasmahani Hassan
- Encik Mohd Yusree Rosli
- Encik Mohamad Shazree Mustapha
- Puan Nur Eziani Mangsor
- Puan Khairunnisa Zakaria
- Cik Nur Sufiah Abdul Razak
- Puan Haryani Abdullah @ Abd Halim
- Encik Mohd Nasrul Mohd Nawi
- Cik Nur Dalilah Azhar
- Encik Muhammad Zulhafeez Shaidin
- Puan Samsiah Samsuddin
- Encik Azrul Nahar Zailah@Lazim
- Encik Mohammad Fakhri Mansor

- Encik Mohd Ikmal Hisyam Mohd Fuead
- Encik Adi Elmi Daman Huri
- Encik Zakaria Md Tap
- Encik Zaid Sabit @ Mubin
- Encik Mohd Tamizi Shafin
- Encik Shahrin Hamzah
- Encik Mohd Fadzly Zamaludin
- Encik Anuar Abdullah
- Encik Mohd Lutfi Ahmad
- Encik Muhammad Asyraf Razali
- Puan Nor Asmawati Besar
- Puan Thurkahthevi N. Munusamy
- Puan Nur Atina Markiman
- Puan Hajar Naemah Sohif



Sesi Semakan Akhir OACP APAD Bersama CACCC, SPRM
28 Februari 2023



Sesi Semakan Akhir Buku OACP APAD
8 Mac 2023

AKRONIM

APAD	Agensi Pengangkutan Awam Darat
BAT	Bahagian Aplikasi Teknologi
BBET	Bahagian Bas Ekspres dan Terminal
BLK	Bahagian Pelesenan Komersil
BPAD	Bahagian Pengangkutan Awam dan Perdagangan
BPIA	Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
BPPMJ	Bahagian Perancangan Polisi Mod Jalan
CRM	Corruption Risk Management
GIACC	The National Centre For Governance, Integrity and Anti-Corruption
iSPKP	Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan
JAR	Jawatankuasa Antirasuah
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah
JKP	Jawatankuasa Pelesenan
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPAO	Jawatankuasa Pelan Antirasuah Organisasi
KBSTR	Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
MOT	Ministry of Transport
MPPO	Mesyuarat Pelesenan Peringkat Operasi
NACP	National Anti-Corruption Plan

AKRONIM

NIOSH	National Institute of Occupational Safety and Health
NKRA	National Key Result Areas
OACP	Organisational Anti-Corruption Plan
PIN	Pelan Integriti Nasional
PPSM	Panel Pembangunan Sumber Manusia
RED	Bahagian Penguatkuasaan Rel
REL	Bahagian Perancangan Rel
SDS	Semakan Dokumen Serahan
SOP	Standard Operating Procedure
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPR	Sistem Pengurusan Rekod
UI	Unit Integriti
UKHP	Unit Kewangan Hasil dan Perolehan
UKK	Unit Komunikasi Korporat
UNCAC	United Nations Convention Against Corruption
UPSM	Unit Pengurusan Sumber Manusia
UT	Unit Pentadbiran
UU	Unit Undang-Undang

**PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
2023-2026**



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

**Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD),
Aras G, M, 19 dan 20 Menara Tun Ismail Mohamed Ali,
No. 25 Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur**